



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 7/2024

**PENGISYTIHARAN HARI KELEPASAN AM (CUTI PERISTIWA) BAGI NEGERI KELANTAN DAN
KEBENARAN BEKERJA SEPARUH HARI KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)
SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2024/ 1445 HIJRAH**

1. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan telah bersetuju untuk meluluskan pelaksanaan Hari Kelepasan Am (Cuti Peristiwa) pada **9 April 2024 (Selasa)** di seluruh Negeri Kelantan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2024/ 1445 Hijrah selaras dengan pengumuman yang telah dibuat melalui kenyataan media Menteri Besar Kelantan pada 3 April 2024 (Rabu).
2. Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bilangan 7 Tahun 2024 (Kali ke-291) pada 3 April 2024 juga bersetuju untuk memberi kebenaran bekerja separuh hari kepada semua staf UMK (tidak termasuk staf di UMK Kampus Putrajaya) pada **8 April 2024 (Isnin)** mulai jam **1:00 tengah hari** dengan diwajibkan untuk merekodkan waktu pulang melalui *Mobile Apps Sinimo*.
3. Pengisytiharan Hari Kelepasan Am bagi seluruh Negeri Kelantan dan kemudahan bekerja separuh hari ini adalah bagi memberi peluang kepada staf UMK untuk membuat persiapan awal dan mengelak staf tersekat dalam kesesakan trafik semasa pulang pada hari terakhir bekerja.
4. Turut diingatkan kepada semua staf supaya sentiasa menjaga keselamatan dan kesihatan diri serta keluarga sepanjang tempoh cuti hari raya.
5. Pihak Pengurusan Universiti Malaysia Kelantan mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah kepada semua staf. Maaf Zahir dan Batin.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)

Pendaftar

4 APRIL 2024

s.k. - Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab